

**KENYATAAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
27 MEI 2016**

---

**1. DASAR PENGASINGAN SISA DI PUNCA DI SELURUH NEGERI  
PULAU PINANG**

Dimaklumkan bahawa, mulai 01 Jun 2016, Dasar Pengasingan Sisa Di Punca akan dilaksanakan di seluruh Negeri Pulau Pinang. Semua premis diwajibkan untuk mengasingkan sisa sekurang-kurangnya kepada 2 aliran iaitu sisa kitar semula kering dan sampah baki. Terdapat 8 kategori dalam pelaksanaan dasar ini, iaitu:

<b>BIL</b>	<b>KATEGORI</b>
1	Kampung (termasuk kampung Tradisional / Kampung Tersusun / Kampung Baru)
2	Taman Perumahan (Termasuk Kuarters, individu dan perniagaan )
3	PPR
4	Kediaman Bertingkat/Strata (termasuk lot perniagaan)

5	Kilang (Termasuk FTZ, FIZ, IKS)
6	Kompleks Beli Belah
7	Hotel/Establisymen Makanan/Tred ( Termasuk semua jenis hotel, pusat perniagaan dan sesebuah)
8	Kompleks Institusi (Termasuk bangunan kerajaan, institusi pengajian, hospital)

Pihak MPSP akan menjalankan kutipan barang kitar semula pada SETIAP HARI SABTU bagi kategori TAMAN SAHAJA.

## **2. SELAMAT MENYAMBUK HARI KEPUTERAAN DULI YANG MAHA MULIA YANG DI-PERTUAN AGUNG**

Kesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Agung yang jatuh pada 4 Jun 2016 (Sabtu).

## **3. MPSP PAGI BEBAS KENDERAAN @ SEBERANG PERAI**

Sukacita dimaklumkan bahawa Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai (*MPSP Car Free Morning @*

*Seberang Perai*) akan diadakan untuk kali ke-14 pada 5 Jun 2016 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya. Oleh itu, jalan ini akan ditutup untuk tujuan tersebut mulai jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Aktiviti yang telah dirancang pada Program CFM adalah Persembahan Silap Mata, Boria, *Busking*, gerai jualan dan pameran, senamrobik, kaunter bayaran bergerak, jualan e-Waste dan banyak lagi aktiviti menarik. Datanglah beramai-ramai untuk memeriahkan lagi MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai.

#### **4. SELAMAT BERPUASA**

Dimaklumkan, semua umat Islam dijangka akan menyambut Ramadhan al-Mubarak pada 6 Jun 2016 (Isnin). Justeru, saya ingin mengucapkan Selamat Berpuasa kepada seluruh umat Islam di Pulau Pinang.

## **5. HARI NUZUL QURAN**

Hari Nuzul Quran akan disambut pada 22 Jun 2016 (Rabu), bersamaan 17 Ramadhan 1435H. Hari tersebut adalah merupakan hari cuti umum bagi negeri Pulau Pinang.

## **6. SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Dimaklumkan program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan dan Program Senamrobik Bersama MPSP Taman Berjaya, Nibong Tebal akan dihentikan untuk seketika semasa bulan Ramadhan. Program senamrobik ini akan diteruskan seperti biasa pada bulan 17 Julai 2016.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**